

Malaysia destinasi ilmu pelajar asing

KUALA LUMPUR: Industri pendidikan Malaysia semakin diiktiraf di peringkat antarabangsa serta menjadi antara destinasi utama sebagai pusat pembelajaran peringkat tinggi di Asia Tenggara oleh pelajar asing.


Unesco meletakkan Malaysia di tangga ke-11 berdasarkan pilihan oleh pelajar, jumlah pelajar asing sama ada di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) atau swasta (IPTS).

Laman web Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MOHE) menyatakan jumlah pelajar asing meningkat mendadak dalam tempoh lebih 10 tahun iaitu daripada tidak sampai 2,000 orang pada 1995 kepada 75,000 pada 2009 dengan satu pertiga dari China dan Indonesia manakala selebihnya dari negara Timur Tengah dan Afrika Utara serta Asia Barat.

Berbanding lebih sedekad lalu, Malaysia kini mempunyai 20 IPTA, 460 IPTS, 30 politeknik serta 78 kolej komuniti bagi menampung keperluan menyediakan pendidikan dalam pelbagai bidang bagi melahirkan tenaga kerja mahir selaras dengan usaha kerajaan menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020.

Pengajian dalam hampir semua bidang kini boleh diikuti di IPT tempatan termasuk perubatan, kejuruteraan dan kewangan yang sebelum Malaysia menghantar pelajar ke luar negara bagi menghasilkan tenaga kerja mahir dan pakar.

Bekas Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Tan Sri Prof Dr Ibrahim Abu Shah berbangga melihat perkembangan pendidikan di negara ini yang semakin pesat berkembang dan berbeza berbanding sedekad lalu, berikutan



"Institut pengajian perlu menambah usaha mencapai wawasan meningkatkan produk berkualiti, menepati piawaian antarabangsa supaya kedudukan di tangga ke-11 dalam senarai Unesco sekarang boleh ditingkatkan"

>Tan Sri Prof Dr Ibrahim Abu Shah

jumlah IPTA atau IPTS bertambah sehingga 50 peratus.

Menurutnya, bagi menjadikan Malaysia antara negara terbaik di rantau ini melahirkan graduan diiktiraf, institut pengajian perlu menambah usaha mencapai wawasan meningkatkan produk berkualiti, menepati piawaian antarabangsa supaya kedudukan di tangga ke-11 dalam senarai Unesco sekarang boleh ditingkatkan.

"Dalam mengemudi dunia pendidikan tinggi hari ini, banyak perlu dilaksanakan bagi memastikan institusi di Malaysia terus gagah dan mampu mem-

beri persaingan kepada institusi pendidikan tinggi lain di peringkat global.

"Ia bukan mudah, namun boleh dilakukan dengan kesungguhan serta iltizam tinggi, malah sejarah membuktikan institusi tempatan mampu melahirkan pakar akademik serta hasil penyelidikan berwibawa," katanya.

Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence, CoE) ditubuhkan di universiti tempatan dalam usaha memacu IPT Malaysia supaya sentiasa berdaya saing dalam pelbagai bidang penyelidikan, kepakaran dan perkhidmatan, sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa dengan 20 CoE bertaraf antarabangsa disasar wujud menjelang 2020 dengan sasaran menaik taraf pusat berkenaan kepada Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (Higher Institution Centre of Excellence - HICoE).

Sehingga Disember 2010, enam CoE sudah menjadi HICoE iaitu di Universiti Malaya (UM - penyelidikan tenaga baru), Universiti Kebangsaan Malaysia (penyelidikan barah), Universiti Sains Malaysia (platform diagnostics dan ciri-ciri ketagihan), Universiti Putra Malaysia (vaksin haiwan), dan UiTM (kewangan Islam).

Menurut Dr Ibrahim, transformasi termasuk mempelbagaikan kursus pengajian dan bidang serta peningkatan jumlah IPT menawarkan pengajian peringkat ijazah kedoktoran menunjukkan pendidikan negara bersedia meneroka dunia baru sebagai keperluan masa hadapan negara.

"Beri kepercayaan penuh kepada universiti dan kerajaan melaksanakan tanggungjawab itu. Ia bukan mudah, tetapi tidak mustahil asalkan ada sokongan rakyat dan perancangan yang baik," katanya.



BERDAYA SAING
...mahasiswa di Malaysia perlu teroka dunia baru.